



Kecenderungan dalam aktiviti lasak seperti mendaki gunung memberi peluang Muhammad Hanif bergaul dengan pelajar.

# Hanif terus berbakti dalam MPP

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

▸ Serdang

**T**empoh setahun tidak cukup bagi Muhammad Hanif Ramlan untuk berbakti kepada warga kampus Universiti Putra Malaysia (UPM) dan mendorong beliau meneruskan perkhidmatan dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) tahun ini dengan mandat lebih besar sebagai Yang Dipertua.

Tahun ini juga beliau dipilih sebagai Setiausaha Agung Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Kapten Rakan Alam Sekitar serta Presiden Kolej ke-13 UPM.

Pelbagai mandat besar diterima itu tidak dianggap beban, sebaliknya menyuntik semangat beliau untuk berbakti kepada pelajar universiti dan masyarakat walaupun berdepan cabaran mengatur masa bagi memastikan pengajian serta aktiviti persatuan tidak terjejas.

Mengimbu kembali detik permulaan 'terjebak' dalam arena kepemimpinan, pelajar Bachelior Sains Perhutanan itu mengakui tidak menyangka sama sekali layak bergelar pemimpin pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) berikutan status 'budak

nakal' ketika zaman persekolahan.

## Dibuang sekolah

"Saya pernah dibuang sekolah kerana rekod disiplin dan akademik kurang memuaskan, malah tidak aktif berpersatuan semasa zaman persekolahan.

"Penyertaan dalam Kem Eksplorasi Sekretariat Rakan Muda 2013 di Ulu Serting, Negeri Sembilan yang disingkatkan aktiviti lasak tetapi sebenarnya program pembangunan kepimpinan dan jati diri mengubah minda saya supaya membuang sikap pentingkan diri serta menjadi manusia yang banyak memberi manfaat kepada orang lain," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Walaupun kesal dengan sikap negatifnya semasa sekolah, Muhammad Hanif berkata, pengalaman pahit itu mengajar beliau supaya memiliki ketahanan mental tinggi berdepan tekanan serta mudah bergaul dengan pelajar pelbagai lapisan.

Minat dalam aktiviti lasak dan sukan dijadikan peluang baginya menyertai pelbagai aktiviti pelajar supaya dirinya mudah didekati sebagai MPP.

"Saya tidak mahu ada jurang komunikasi antara pelajar dengan ahli MPP kerana ia akan membuatkan pelajar kurang selesa untuk



## PROFIL

**Nama:** Muhammad Hanif Ramlan  
**Umur:** 22 tahun  
**Pengajian:** Bachelior Sains Perhutanan UPM  
**Pencapaian/ pembabitn dalam aktiviti kokurikulum:** 2015

- Yang Dipertua MPP UPM
- Setiausaha Agung MPPK

2014

- Ahli Jawatankuasa Ekspedisi Rakan Muda Cinta Alam Gunung Kinabalu, Sabah
- Naib Yang Dipertua MPP UPM 2013/2014
- Presiden Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej 13
- Kapten Rakan Alam Sekitar UPM
- Ahli Jawatankuasa Program Sukarelawan di Vietnam-Cambodia, Fakulti Perhutanan
- Majlis Perwakilan Pelajar Fakulti Perhutanan
- Pengarah Program Higher Education Transformation Programme 2014 Malaysia-Japan (Kochi&APU)

membuat aduan atau memberi maklum balas mengenai isu pelajar, dan dibimbangi memilih saluran yang tidak betul bagi menyelesaikan masalah mereka.

## Dekati ahli

"Bila ada kesempatan, saya akan menyertai pelajar dalam program rekreasi dan sukan atau menghadiri majlis anjuran pelbagai fakulti sebagai tanda sokongan terhadap aktiviti pembangunan pelajar serta menggalakkan mereka mendekati ahli MPP," katanya.

Agenda merapatkan hubungan antara MPP dan pelajar itu turut dicerminkan dalam rombakan barisan kepimpinan dilaksanakannya dengan memastikan ada wakil pemimpin fakulti, kolej, persatuan dan kelab dalam MPP.

Katanya, dengan adanya wakil bagi setiap badan kepimpinan pelajar dalam MPP, aktiviti dapat diselaras dengan baik serta maklum balas menyeluruh mengenai isu mahasiswa dapat dikenal pasti.

"Sekarang lebih tersusun dan dengan jalinan 45 ahli MPP termasuk presiden fakulti, kolej, persatuan serta kelab, ia telah mewujudkan satu ikatan yang teguh, membentuk pasukan yang kuat," kata anak bongsu daripada empat beradik yang berasal dari Pengkalan Hulu, Perak itu.